



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

MALAYSIA PENGANJUR PERTANDINGAN *2ND INTERNATIONAL NANOTECHNOLOGY OLYMPIAD (INO) 2024*

BANGI, 18 November 2024 – Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, YB Tuan Chang Lih Kang telah hadir ke Majlis Penutup ***2nd International Nanotechnology Olympiad (INO) 2024*** di Bangi Resort Hotel, Selangor.

Malaysia melalui Pusat Nanoteknologi Kebangsaan (NNC), Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi (MOSTI) menjadi penganjur bagi Pertandingan *2nd International Nanotechnology Olympiad (INO)*. Penganjuran Pertandingan *2nd INO 2024* dijayakan dengan kerjasama Sekretariat Tetap INO, Iran Nanotechnology Innovation Council (INIC), Pertubuhan Asia Nano Forum (ANF), Persatuan Sains dan Teknologi Keadaan Pepejal Malaysia (MASS) dan Malaysia Nanotechnology Association (MNA).

Pertandingan ini disertai oleh pelajar-pelajar Ijazah Sarjana dan Ijazah Doktor Falsafah daripada negara-negara ahli tetap dan ahli bersekutu pertubuhan Asia Nano Forum (ANF). 2nd INO telah menerima penyertaan enam (6) pasukan iaitu dua (2) pasukan Malaysia manakala satu pasukan masing-masing mewakili Taiwan, Thailand, Iran dan Hong Kong. Pasukan-pasukan ini telah mempertandingkan cadangan penyelidikan bagi penyelesaian dengan pengaplikasian nanosains dan nanoteknologi yang bertemakan "Aplikasi Nanoteknologi Bagi Tenaga Alternatif".

Pertandingan ini dapat dijadikan sebagai platform mengasah bakat-bakat baharu dan mampu memangkinkan pembangunan kepakaran dalam bidang nanoteknologi terutamanya di kalangan pelajar pasca siswazah di institusi pengajian tinggi. Ini selain daripada pendedahan kepada konsep asas proses inovasi dan pengkomersialan teknologi nano melalui semangat kerja berpasukan dan menggerakkan inovasi berasaskan Design-Thinking atau pemikiran mereka-bentuk.

Penyampaian hadiah oleh YBM MOSTI kepada pemenang-pemenang seperti berikut:

- i. Pemenang Pingat Perak: -
 - a) Kumpulan Malaysia 2
 - b) Kumpulan Thailand
- ii. Pemenang Pingat Emas untuk setiap kategori:-
 - a) The Most Novel and High Impact Idea (Hong Kong),
 - b) The Best Project in Science and Technical Development (Malaysia 1) dan;
 - c) The Best Project in Business Development (Taiwan)

Setiap Pemenang masing-masing membawa pulang RM10,000.00.

Kategori *The Best of The Best Team* bernilai RM15,000.00 dimenangi oleh kumpulan daripada negara Iran.

Majlis turut menyaksikan simbolik penyerahan tuan rumah 3rd INO 2026 daripada Malaysia kepada Taiwan.

#TAMAT#

Dikeluarkan oleh:

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

18 NOVEMBER 2024